



**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**  
**MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545  
Faks :603-88895542  
Email : kkm@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR**  
**TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN (KESIHATAN AWAM)**  
**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA**

Bagi Minggu 1/2013 ( 30 Disember 2012 hingga 5 Januari 2013)

*“Korban pertama Denggi Tahun 2013”*

Pada minggu pertama 2013 iaitu bagi tempoh 30 Disember 2012 hingga 5 Januari 2013, sejumlah 446 kes Demam Denggi telah dilaporkan di seluruh negara berbanding 456 kes pada minggu sebelumnya. Terdapat satu (1) kematian dilaporkan dari Johor yang merupakan kematian Denggi pertama pada tahun ini. Tujuh (7) negeri telah menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Kelantan 12 kes (109%), Pahang 5 kes (42%), masing-masing 2 kes di Perlis (200%), Melaka (40%), Sabah (9%) dan Johor (5%) manakala Terengganu meningkat 1 kes (25%) seperti di lampiran A. Dengan itu, jumlah kumulatif kes Denggi yang dilaporkan pada minggu pertama tahun 2013 adalah sebanyak 446 kes berbanding 440 kes bagi tempoh yang sama tahun 2012, peningkatan sebanyak 6 kes manakala jumlah kematian adalah sama dengan tahun lepas iaitu dengan satu kematian.

Pada minggu pertama tahun 2013, satu kes kematian dilaporkan melibatkan seorang wanita berumur 34 tahun. Selepas sehari mengalami demam, sakit badan dan sakit kepala, pesakit kemudiannya mendapatkan rawatan awal di Klinik Kesihatan dan telah dirujuk ke Hospital Kerajaan pada hari yang sama. Selepas 2 hari di hospital pesakit dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) untuk menerima rawatan lanjut dan meninggal dunia akibat komplikasi Demam Denggi iaitu *Dengue Shock Syndrome* 2 hari kemudian. Hasil siasatan kes oleh KKM menunjukkan punca jangkitan bagi kes ini adalah di kawasan tempat kerja pesakit di Bandar Seri Alam, Masai, Johor kerana kadar pembiakan Aedes yang tinggi iaitu 3.3%. Pejabat Kesihatan Daerah telah mengambil tindakan dengan mengeluarkan satu kompaun maksimum RM 500.00 dan satu notis arahan penutupan ke atas tapak binaan tempat pesakit bekerja, bagi menjalankan kerja-kerja pembersihan serta merta. Aktiviti semburan kabus telah dijalankan kepada kesemua premis di kawasan kediaman pesakit.

Sehingga 5 Januari 2013, sejumlah 81 kawasan wabak dilaporkan di 17 daerah di sepuluh (10) buah negeri berbanding hanya lapan (8) negeri dilaporkan pada minggu sebelumnya. Kawasan wabak dilaporkan di Negeri Selangor (57), WP Kuala Lumpur (7), Johor (7), Sarawak (3), Pulau Pinang (2), Negeri Sembilan (1), Kedah (1), Perak (1), Pahang (1) dan Sabah (1). Hasil pemeriksaan premis yang telah dijalankan diseluruh negara menunjukkan, sejumlah 700 premis telah ditemui pembiakan Aedes daripada 49,804 premis yang telah diperiksa. Tujuh (7) negeri yang menunjukkan peningkatan nilai Indeks Aedes tinggi ialah Sarawak (3.9%), Perlis (3.1%), Pulau Pinang (2.7%), Selangor (2.5%), Melaka (2%), Negeri Sembilan (1.7%) dan Sabah (1.5%).

Dengan perubahan cuaca dan taburan hujan yang tinggi pada masa ini, masyarakat perlu lebih peka dan memastikan tiada bekas-bekas berpotensi untuk menjadi tempat pembiakan Aedes di sekitar kawasan kediaman dan persekitaran bagi mencegah wabak demam Denggi dari berlaku. Luangkan 10 minit seminggu, periksa dan hapuskan tempat-tempat pembiakan Aedes di kediaman dan persekitaran anda.

**DATUK DR LOKMAN HAKIM BIN SULAIMAN**

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

9 Januari 2013

## Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 01/2013  
(30 Disember 2012 hingga 5 Januari 2013)**

Bil	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes Denggi sehingga minggu 01/2013	Jumlah Terkumpul kes Denggi sehingga minggu 01/2012
		Minggu 01 (30 Disember 2012 – 5 Januari 2013)	Minggu 52 (23 – 29 Disember 2012)		
1	Perlis	3	1	3	2
2	Kedah	8	13	8	13
3	P. Pinang	13	18	13	20
4	Perak	29	29	29	34
5	Selangor	199	204	199	212 (1)
6	WPKL & Putrajaya	21	27	21	35
7	N. Sembilan	10	16	10	8
8	Melaka	7	5	7	15
9	Johor	45 (1)	43	45 (1)	37
10	Pahang	17	12	17	13
11	Terengganu	5	4	5	17
12	Kelantan	23	11	23	19
13	Sarawak	41	50	41	10
14	Sabah	25	23	25	4
15	WP Labuan	0	0	0	1
	<b>Jumlah</b>	<b>446 (1)</b>	<b>456</b>	<b>446 (1)</b>	<b>440 (1)</b>

Nota: ( ) Kematian

\* Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan.